


Dekati haiwan jinak di Ladang 16 UPM

Serdang: Pengunjung Ladang 16 Universiti Putra Malaysia (UPM) teruja berpeluang mendekati haiwan jinak seperti lembu, rusa serta kuda melalui pakej edu-pelancongan ditawarkan universiti itu.

Ladang 16 menempatkan lapan destinasi menarik meliputi ladang rusa, lembu tenusu dan kancil serta taman ekuin bersama aktiviti menyeronokkan yang membolehkan pelawat menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman interaktif sejajar tagline 'Play, Learn and Stay Young'.

V8/V9

BH PLUSdi www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video



Ladang Tenusu antara lokasi tarikan pengunjung ditawarkan dalam pakej pelancongan UPM.



Pengunjung seronok dapat mendekati rusa di Ladang 16 UPM.

BH PLUS

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

Reaksi

Ladang 16 UPM



Muzium Anatomi Haiwan dibuka dari jam 9 pagi hingga 4 petang setiap Isnin hingga Jumaat dan pengunjung boleh melihat sendiri rangka serta organ dalaman haiwan yang diawet"

Dr Mohd Mokrish Md Ajat,
Pensyarah Kanan Biokimia
Veterinar UPM

Edu-pelancongan UPM gamit pelawat

Oleh **Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak**
meor.ahmad@bh.com.my

► Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Bahagian eDU-PARK, Putra Science Park, menawarkan pakej edu-pelancongan berupa lawatan berpandu ke lokasi tarikan kampus yang membolehkan pengunjung menimba ilmu pengetahuan dan

pengalaman interaktif sejajar tagline 'Play, Learn and Stay Young'.

Lokasi terbabit yang dikenali sebagai Ladang 16 UPM, menempatkan lapan destinasi menarik meliputi ladang rusa, lembu tenusu dan kancil serta taman ekuin bersama aktiviti menyeronokkan.

Pengunjung juga berpeluang melawat Muzium Anatomi Haiwan yang antara lain mempamerkan rangka dan organ dalaman sudah diawet, selain menelusuri sejarah tradisi

di Muzium Warisan Melayu.

Wartawan Varsiti turut berkesempatan menerokasi destinasi itu, baru-baru ini, melalui lawatan dibawa pelajar UPM yang menjadi sukarelawan mencurah khidmat menjaga lokasi berkenaan.

Modul lawatan

Sukarelawan merangkap pelajar Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Mohamed Shafiq Mohamed Ayub, 25, berkata antara aktiviti

dijalankan ialah Farm Feed Fun @ UPM yang membolehkan pelawat mendekati haiwan jinak seperti lembu, rusa serta kuda.

Beliau berkata, pelawat boleh turut menjejakkan kaki ke Galeri Serdang, Taman Konservatori dan Muzium Anatomi Manusia, di samping menyaksikan demonstrasi memasak oleh cef restoran L'Apprenti UPM dan mengunjungi jualan hasil tani serta produk UPM.

"Usaha ini bertujuan mempromosikan dan memberi pendedahan kepada

masyarakat mengenai program edu-pelancongan di UPM. Modul lawatan dibangunkan secara khas ini sesuai untuk segenap lapisan umur masyarakat daripada peringkat kanak-kanak TADIKA hingga orang dewasa," katanya.

Dapat pengiktirafan

Mohamed Shafiq berkata, program diperkenalkan sejak Jun 2013 itu mendapat pengiktirafan daripada Tourism Malaysia dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kementerian

Pendidikan Tinggi serta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

"Program ini secara langsung menyahut aspirasi untuk mendekatkan masyarakat kepada sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) melalui pendekatan santai serta menyeronokkan," katanya.

Selain beliau, dua lagi pelajar fakulti sama turut berbakti sebagai sukarelawan menjaga sekitar kawasan terbabit, iaitu Muhamad Firdaus Daud dan Nahariah Abd Razak.



Pelawat melihat rangka haiwan yang dipamerkan di Muzium Anatomi Haiwan.



Walaupun kedudukan universiti ini di bandar, saya dapat menimba pengalaman dan menikmati keindahan pemandangan serta mendekati haiwan di sini. Saya akan datang lagi bersama rakan pengajian lain"

Elizabeth Wong,
Pelajar Ijazah Sarjana Sains
(Komunikasi Keorganisasian),
Fakulti Bahasa Moden dan
Komunikasi UPM